

# 28

## Penerapan Kitaran RPAOR Dalam Meningkatkan Mutu Penulisan Karangan

Sekolah Rendah Innova



**Noor Ratnawati Osman**

noor\_ratnawati\_osman@schools.gov.sg



**Anisah Mustaffa**

anisah\_mustaffa@schools.gov.sg

## Abstrak

Mutu penulisan karangan murid didapati kurang memuaskan dan perlu ditingkatkan. Bagi mencapai matlamat ini, protokol *Learning Circles Cycle* telah digunakan bagi mengenal pasti usaha intervensi yang sesuai untuk meningkatkan mutu penulisan karangan murid-murid Darjah 5. Protokol *Learning Circles Cycle* yang dibentuk dengan kitaran RPAOR (*Reflect, Plan, Act, Observe, Reflect*) telah digunakan untuk merenung kembali, berdialog, berbincang dan bekerjasama dalam mempertingkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (PdP) penulisan karangan. Dalam kajian yang dilaksanakan, murid telah melalui proses pembelajaran secara inkuiri yang berstruktur telah dilaksanakan bagi mempertingkat PdP. Dapatan kajian menunjukkan bahawa proses perbincangan yang berstruktur dan terarah dalam menilai hasil kerja murid mempertingkat kualiti PdP.

Kata Kunci: PdP, penulisan karangan, penilaian, RPAOR, inkuiri

## PENGENALAN

Hasil kerja murid menjadi salah satu sumber utama untuk menilai hasil pembelajaran dan pencapaian mereka dalam pembelajaran. Data yang dikumpulkan berdasarkan hasil kerja murid merupakan sumber bagi penilaian formatif untuk menentukan langkah pengajaran yang seterusnya. Data tersebut juga boleh digunakan sebagai sumber rujukan untuk memberi maklum balas kepada murid untuk menganalisis kemajuan pembelajaran dan menyemak sama ada matlamat pengajaran tercapai atau sebaliknya. Lantas, hasil kerja murid merupakan sumber data yang amat berharga yang boleh dianalisis bagi mempertingkatkan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Selain itu, proses pemantauan bagi meneliti keberkesanan PdP perlu jelas dan bermakna. Proses pemantauan yang jelas dan berstruktur bagi membolehkan pemerhatian dan perbincangan berlaku akan membuka ruang bagi perbincangan dan saranan bagi membaiki dan peningkatkan proses PdP di bilik darjah.

## PERNYATAAN MASALAH

Penekanan pada penulisan berdasarkan gambar bersiri telah menjadikan pelajar Darjah 5 terbiasa dengan bentuk penulisan yang terarah. Berdasarkan pemerhatian dan pemantauan yang dilaksanakan, murid didapati masih lagi belum terbiasa dengan laras penulisan yang lebih kreatif dan mengalami masalah dalam mengembangkan isi cerita. Secara umumnya, jalan cerita yang ditulis sangat berpandukan gambar dan mereka tidak dapat mengolah permasalahan yang terdapat dalam cerita. Selain itu, kesediaan dan keupayaan berbeza bagi setiap murid turut menghambat proses pemahaman sekaligus menjejaskan penulisan mereka.

Data kelakonan murid semasa urusan *Weighted Assessment* pada akhir Penggal 3 telah menunjukkan kelemahan dalam aspek isi yang ketara dalam karangan yang dihasilkan murid. Hal ini membimbangkan disebabkan murid harus disediakan dengan kemahiran menulis yang baik dan asas yang kukuh sebelum melangkah ke peringkat Darjah 6. Murid didapati masih belum mampu untuk meluaskan isi cerita dengan baik dan jalan cerita yang ditulis sangat mendatar. Selain itu, didapati juga sukar untuk menyediakan teknik yang sesuai bagi membantu murid mengatasi masalah pembelajaran ini kerana setiap kelas mempunyai murid dari pelbagai keupayaan yang berbeza.



## OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:


1. meneliti keberkesanan penggunaan protokol *Learning Circles Cycle* dalam meningkatkan proses pembelajaran kemahiran menulis; dan
2. memahami bagaimana hasil kerja murid dapat dijadikan data untuk mengenal pasti kejayaan dan permasalahan dalam pembelajaran.

## KAJIAN LEPAS

Pengamalan '*research thinking and orientation*' dan '*research-based decision-making*' dalam tugas harian dalam kalangan pendidik merupakan satu daripada pendekatan terbaik untuk meningkatkan mutu kecemerlangan pendidikan, terutamanya dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Kajian tindakan merupakan wadah yang sangat berkesan dalam membantu untuk memahami dan menganalisis masalah dan seterusnya menjalankan kajian bagi mendapatkan jawapan untuk mengatasi masalah tersebut. Kajian tindakan membantu dalam menyediakan proses untuk bertindak secara sistematik berdasarkan tatacara yang digariskan untuk menjalankan kajian dan menangani permasalahan dalam bidang pendidikan.

Menurut, Kemmis dan McTaggart (1988), kajian tindakan merupakan satu bentuk inkuiri refleksi yang dilakukan secara sendiri atau kolektif, dilakukan oleh peserta yang berada dalam sesuatu situasi dengan matlamat untuk memperbaiki kualiti amalan dan PdP serta situasi kerja. Oleh itu, kajian tindakan merupakan satu kaedah untuk merenung kembali masalah yang dihadapi, mengumpul dan menganalisis data serta melaksanakan perubahan terhadap amalan pengajaran berdasarkan dapatan-dapatan yang diperolehi demi meningkatkan proses dan hasil amalan tersebut.

Sehubungan dengan itu, melalui penggunaan *Tuning Protocol* (Easton, 2009), para pendidik dapat mengendalikan perbincangan untuk menganalisis dan mengenal pasti cara-cara untuk mengatasi masalah pembelajaran melalui perbincangan yang berstruktur dan terpandu. Melalui kaedah ini, hasil kerja murid menjadi bahan utama yang dirujuk untuk mengenal pasti permasalahan dalam penulisan murid-murid Darjah 5.



Dalam hal ini juga, penting untuk menyediakan pengalaman pembelajaran yang merangsang pelibatan aktif murid dalam pembelajaran. Pengalaman pembelajaran inkuiri merupakan satu pendekatan yang mampu merangsang pelibatan dan pemikiran murid dalam pembelajaran. Kajian yang dijalankan oleh MacCarty (1991) dan rakan-rakannya menunjukkan bahawa terdapat peningkatan yang ketara dari segi minat dan pelibatan murid dalam pembelajaran apabila guru menggunakan kaedah pembelajaran inkuiri.


## KAEDAH KAJIAN

Dalam mengenal pasti isu PdP yang dihadapi, perbincangan dan dialog yang berkualiti telah dilaksanakan. Protokol *Learning Circles Cycle* (Kemmis dan McTaggart, 1988) sebagai model kajian tindakan telah digunakan bagi mengenal pasti strategi yang sesuai untuk meningkatkan mutu penulisan karangan murid-murid Darjah 5.

Kitaran RPAOR, iaitu *Tinjau-Rancang-Bertindak-Pantau-Tinjau Semula* yang disarankan oleh Kemmis dan McTaggart (1988) telah digunakan dalam usaha untuk mempertingkatkan keberkesanan PdP. Bermula minggu terakhir Penggal 3, perbincangan untuk mengenal pasti teknik intervensi yang sesuai untuk meningkatkan penulisan murid telah dilaksanakan.

Semasa melaksanakan kitaran putaran pembelajaran ini, langkah pertama dimulakan dengan proses melakukan refleksi. Di sepanjang proses pelaksanaan RPAOR ini, setiap anggota pasukan yang terlibat dalam kajian ini melaksanakan refleksi terhadap pengalaman pengajaran yang mereka alami. Berikut merupakan model RPAOR yang telah diterapkan dalam kajian ini.

Rajah 1: Learning Circles Cycle RPAOR (Diadaptasi dari Kemmis, S dan-McTaggart (1988))



Semasa perbincangan berlangsung, hasil kerja murid telah digunakan sebagai data rujukan untuk mengenal pasti permasalahan yang dilalui murid. Setelah mengenal pasti permasalahan tersebut, intervensi pembelajaran dijalankan untuk beberapa minggu. Lebih banyak data kemudian dikumpulkan seperti contoh-contoh daripada hasil kerja murid, keputusan peperiksaan, pemerhatian dan maklum balas murid. Melalui analisis data dan pemerhatian, guru-guru membuat perkaitan dan mengenal pasti punca masalah tersebut. Proses perbincangan ini dilakukan melalui *Tuning Protocol* (Easton, 2009), agar pemerhatian dan perbincangan yang dilakukan lebih kukuh dan proses perbincangan lebih berstruktur dan terarah.

### Subjek Kajian

Murid yang terlibat dalam kajian ini merupakan murid Darjah 5 yang mempunyai tahap kebolehan yang pelbagai. Seramai 60 murid terlibat dalam kajian ini. Tiada kumpulan kawalan yang digunakan. Kemahiran menulis dipilih sebagai subjek kajian sebab melalui proses mengasah kemahiran menulis, murid-murid akan diajar tentang pelbagai aspek tatabahasa. Ini sekaligus dapat memperkasakan penguasaan bahasa Melayu murid-murid.

### Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, instrumen yang digunakan ialah pemerhatian. Hasil pemerhatian, maklum balas dan refleksi dibincangkan secara berstruktur mengenai hasil kerja murid berdasarkan model RPAOR bagi menghasilkan

data berbentuk kualitatif. Selain itu, keputusan karangan murid untuk ujian *Weighted Assessment* dan peperiksaan akhir tahun turut diambil kira semasa menilai keberkesanan intervensi yang dijalankan.


## Prosedur Kajian

Kajian ini dijalankan selama sepuluh minggu. Pada minggu pertama Penggal 3, perbincangan telah dilaksanakan untuk mengenal pasti permasalahan dalam pembelajaran murid-murid Darjah 5 menggunakan model kajian tindakan RPAOR. Setelah mengenal pasti masalah kemahiran menulis yang dihadapi murid, langkah-langkah diambil untuk memperkenalkan teknik yang sesuai untuk menyokong pembelajaran murid secara berkesan.

Objektif pengajaran adalah untuk memastikan murid dapat mengembangkan isi cerita dari sudut permulaan atau klimaks. Murid didedahkan kepada teknik D.E.P.A.N (D= Dialog, E= Emosi, P= Penanda wacana, A= Ayat seru. N= Nadi debar) untuk memperbaiki sudut penceritaan. Untuk setiap pembelajaran, penekanan akan diberikan terhadap penggunaan teknik ini. Murid perlu sekurang-kurangnya menerapkan dua atau tiga elemen D.E.P.A.N ketika menulis permulaan atau klimaks cerita. Aktiviti-aktiviti tersebut disesuaikan mengikut tahap kesediaan murid yang berbeza untuk memudahkan pemahaman dan pembelajaran. Beberapa perancah turut disediakan untuk menggalakkan pelibatan dan pemahaman murid secara optimum. Portal Ruang Pembelajaran Pelajar (SLS) juga turut digunakan bagi proses penjaanaan idea dan perbincangan.

Dalam kajian ini, murid melalui proses pembelajaran inkuiri terbimbing. Dalam proses ini, minat murid telah dirangsang (*Spark Curiosity*) Setelah itu, murid dibimbing untuk bertanyakan soalan-soalan inkuiri (*Decide on Inquiry Questions*). Kemudian, murid melalui proses menjalankan penyelidikan atau mencari maklumat (*Conduct Investigation*). Murid kemudiannya dibimbing untuk memberikan penjelasan dan dapatan (*Provide Explanation*). Setelah itu, murid mengaplikasikan pemahaman (*Apply Understanding*) menerusi aktiviti penulisan termasuklah melakukan refleksi dalam jurnal murid.

Bagi menyokong pembelajaran kemahiran menulis yang berkesan, murid turut diperkenalkan pada penggunaan teknik D.E.P.A.N dalam penulisan mereka sepanjang kajian ini dijalankan. Pada setiap tiga minggu, refleksi dan perbincangan dilaksanakan tentang hasil kerja murid menggunakan *Tuning*



*Protocol* sebagai kaedah agar perbincangan lebih berstruktur. Pengubahsuaian dilakukan pada pelajaran seterusnya setelah semua maklum balas diberikan. Pelajaran seterusnya dilaksanakan berdasarkan maklum balas yang diberikan. Sebanyak tiga kitaran yang serupa dilaksanakan dalam proses kajian ini. Sesi keempat ialah sesi terakhir. Dalam sesi ini penilaian dilakukan berdasarkan keputusan peperiksaan SA2 murid.

Melalui kaedah RPAOR, pemerhatian, perbincangan dan refleksi dilaksanakan secara berstruktur menggunakan *Tuning Protocol* mengenai hasil kerja murid. Melalui pemerhatian dan perbincangan yang mendalam, pembaikan dan saranan bagi pelajaran seterusnya dikemukakan. Segala input yang disarankan diteliti bagi menambah baik proses pembelajaran seterusnya.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN


Berdasarkan model protokol yang digunakan, proses yang berterusan dilaksanakan untuk memperbaiki dan mengubah suai pendekatan demi meningkatkan kualiti pembelajaran. Maklum balas yang diberikan berdasarkan pemerhatian semasa pelaksanaan pelajaran dianalisis dan dibincangkan dalam setiap kitaran perbincangan. Perkara ini membantu untuk mengenal pasti masalah yang timbul semasa pelaksanaan pelajaran bagi murid Darjah 5. Input dan maklum balas yang diberikan diambil kira dan digunakan untuk memperbaiki pembelajaran yang seterusnya. Perbincangan yang berstruktur dan kritis berkaitan hasil kerja murid membolehkan saranan-saranan yang bermutu dihasilkan bagi pembaikan pelajaran. Oleh itu, selepas setiap kitaran perbincangan, guru-guru Darjah 5 akan membuat penambahbaikan pada rancangan pelajaran mereka.

Berdasarkan hasil kerja murid daripada tiga tahap kesediaan (rendah, pertengahan dan tinggi), didapati bahawa terdapat peningkatan yang agak ketara dalam penulisan murid khususnya dalam pengolahan isi cerita. Murid didapati lebih sedar akan pentingnya menulis jalan cerita yang menarik dan mengenal pasti kesalahan yang biasa dilakukan. Murid juga didapati mampu untuk membetulkan kesilapan mereka dengan bimbingan yang minimum daripada guru.

Perbandingan markah *Weighted Assessment* (WA) dan peperiksaan akhir tahun atau EYE bagi komponen penulisan telah dilakukan bagi menilai keberkesanan intervensi yang dilaksanakan. Rujuk Rajah 2 mengenai


perbandingan markah bagi WA dan EYE yang dilakukan dari segi isi cerita. Melalui analisis perbandingan markah *Weighted Assessment* dan keputusan EYE yang dilakukan, didapati bahawa murid mampu meraih markah yang lebih baik. Peratusan murid yang mendapat markah yang lebih tinggi dari segi isi cerita juga cukup memberangsangkan. Penelitian keputusan peperiksaan akhir tahun menunjukkan bahawa terdapat 46 daripada 60 murid (76%) menunjukkan peningkatan dari segi markah untuk komponen penulisan karangan berbanding pencapaian murid semasa WA.

**Rajah 2: Perbandingan Markah (Bahagian Isi Cerita)**




Keputusan peperiksaan akhir tahun juga mendapati bahawa secara purata, seramai 39 daripada jumlah keseluruhan murid, iaitu 65% murid telah menunjukkan peningkatan markah berbanding keputusan ujian semasa WA. Sila rujuk Rajah 3 bagi perbandingan markah secara purata. Dalam hal ini jelas menunjukkan bahawa intervensi yang dilaksanakan telah menyokong dan membantu ramai murid untuk memperbaiki kelakonan atau pencapaian mereka bagi kemahiran penulisan yang menjadi sasaran bagi kajian ini.

**Rajah 3: Perbandingan Markah Secara Purata (Penulisan Karangan)**







Selain itu, refleksi jurnal yang dilakukan murid sebagai sebahagian daripada hasil kerja murid telah diteliti. Daripada refleksi jurnal yang murid laksanakan, didapati bahawa murid lebih menyedari bahawa mereka harus menerapkan elemen-elemen D.E.P.A.N dalam penulisan mereka. Kesedaran murid mengenai proses pembelajaran yang telah dilalui meningkatkan keupayaan mereka untuk berfikir dan meningkatkan keyakinan tentang proses pembelajaran yang bermakna yang telah mereka lalui.

#### Contoh Refleksi 1

Penggunaan D.E.P.A.N dalam karangan menyedarkan saya tentang pentingnya unsur emosi dan nadi debar dalam bahagian klimaks karangan. Saya juga dapat menggunakan ayat seru dengan lebih baik untuk meningkatkan nadi debar dalam karangan saya. (Pelajar Tahap 1)

#### Contoh Refleksi 2

Setelah melalui proses karangan ini, saya dapati saya dapat mengembangkan isi karangan saya dengan lebih baik. Untuk bahagian klimaks karangan, saya dapat menggunakan ayat seru dan penanda wacana dalam karangan saya. (Pelajar Tahap 2)

#### Contoh Refleksi 3

Saya tahu caranya untuk kembangkan isi cerita dan dapat gunakan penanda wacana dalam karangan saya. Saya masih perlu perbaik struktur ayat saya yang lemah. (Pelajar Tahap 3)

Dapatan kajian yang dibincangkan jelas menunjukkan bahawa, melalui protokol yang digunakan, kelemahan-kelemahan dalam PdP telah dapat dikenal pasti dan langkah-langkah intervensi dan strategi yang sesuai telah dapat disarankan dan dilaksanakan bagi menyokong pembelajaran kemahiran menulis murid dengan lebih berkesan. Dapatan kajian juga menjelaskan penelitian hasil kerja murid yang dilakukan secara berstruktur membina keupayaan guru untuk memperbaiki pembelajaran seterusnya dengan mengemukakan saranan dan pembaikan yang tepat bagi meningkatkan kemahiran menulis murid. Kesan yang amat ketara ialah tahap kesedaran murid untuk menggunakan strategi yang berkesan dalam penulisan karangan mereka meningkat. Semasa peperiksaan EYE, prestasi murid secara keseluruhannya meningkat bagi komponen penulisan.

## CADANGAN


Protokol yang digunakan bagi kajian ini tidak semestinya dijalankan untuk bahagian karangan sahaja. Ia juga boleh dijalankan untuk bahagian-bahagian bahasa lain berdasarkan prestasi murid di dalam kelas yang menjadi sasaran kajian dan bukan berdasarkan peringkat. Hal ini akan membantu reka bentuk kajian yang akan dijalankan menjadi lebih fokus. Tujuan utama protokol digunakan adalah untuk membina amalan PdP agar dapat menyokong dan membimbing proses perbincangan demi mempertingkatkan PdP. Perkara ini perlu ditekankan agar tiada kesalahfahaman bahawa perbincangan yang diadakan bertujuan untuk mengkritik pengajaran guru demi membantu meningkatkan prestasi murid yang diajar.

Selain itu, penggunaan protokol ini boleh diterapkan dalam perbincangan hasil kerja murid pada setiap akhir penggal untuk mengenal pasti kelemahan murid dalam pembelajaran. Jika perkara ini dapat dilakukan, kelemahan pengajaran dapat dikenal pasti dan diperbaiki menerusi maklum balas yang diterima. Gabungan idea yang diberikan dapat membantu dan menyokong pengajaran bagi kelas lain di peringkat yang sama sekiranya masalah yang serupa dialami.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini telah berjaya mencapai objektifnya. Protokol yang digunakan telah membantu dalam mengenal pasti kelemahan dalam proses PdP dan memperbaiki pengajaran. Dapatan menunjukkan bahawa murid dapat mengolah isi cerita dengan baik dalam karangan yang ditulis. Murid juga mampu mengaplikasikan teknik yang diajar dan semakin menunjukkan minat dalam aktiviti penulisan.

Selain itu, dengan adanya protokol dan struktur yang jelas, penilaian dapat dilakukan dengan lebih berkesan berdasarkan hasil kerja murid. Proses maklum balas yang diberikan juga lebih tertumpu kepada pembelajaran murid, bukan terhadap pengajaran guru. Hal ini membina budaya belajar bersama dan proses kolaborasi yang positif dalam kalangan pendidik.



Guru-guru yang turut serta dalam kajian ini:

1. Rafeah Ali
2. Haslinda Ibrahim
3. Monalisa Mohd Sudin
4. Haslila Tahir
5. Supina Taib
6. Siti Nurdianah Md. Muhdi

## RUJUKAN

Easton, L. B. (2009). *Protocols for professional learning*. Alexandria, VA: ASCD.

Kemmis, S. & McTaggart, R. (1988). *The action research planner*. Geelong, Victoria, Australia: Deakin University Press.

Love, N., Stiles, K. E., Mundry, S., & DiRanna, K. (2008). *The data coach's guide to improving learning for all students: Unleashing the power of collaborative inquiry*. Thousand Oaks, CA: Corwin.

Marsh, H. W., & Craven, R. G. (2006). *Reciprocal Effects of Self-Concept and Performance from a Multidimensional Perspective: Beyond Seductive Pleasure and Unidimensional Perspectives*. *Perspectives on Psychological Science*, 1, 133-163.

McCarty, T.L., Regina Hadley Lynch, Stephen Wallace, AnCita Benally (1991). *Classroom Inquiry and Navajo Learning Styles: A Call for Reassessment*. *Anthropology and Education Quarterly* 22 (1):42-59.